

1103/1
BAHASA MELAYU
KERTAS 1
OGOS 2025
2 JAM

NO KAD PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :.....

Tingkatan :.....



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2025

BAHASA MELAYU
KERTAS 1
MASA : DUA JAM

ARAHAN:

- 1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
- 2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
- 3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Join telegram @exercise_students

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan semangat kejiranan.

Berdasarkan maklumat tersebut, tuliskan sebuah rencana tentang semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat.

Panjangnya rencana anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Semangat kejiranan kukuhkan perpaduan kaum.

KOTA BHARU: Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum, keturunan, agama, budaya dan adat resam perlu menjadikan amalan hidup berbaik-baik antara satu dengan yang lain bagi mewujudkan suasana harmoni.

**AMALAN KEJIRANAN
MENJAMIN
KESELAMATAN
SETEMPAT**

Penerapan budaya bertanggungjawab sesama jiran seperti melakukan rondaan, bertukar-tukar nombor telefon dan saling melindungi boleh mengurangkan risiko kegiatan jenayah di kawasan perumahan.

**CONTOH AKTIVITI
KEJIRANAN**

- Gotong-royong
- Rumah Terbuka
- Kelab Rukun Tetangga



Bahagian B**[70 markah]**

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Isu buli siber merupakan permasalahan yang hangat dibincangkan di Malaysia pada ketika ini. Buli siber merujuk kepada penggunaan teknologi digital seperti media sosial, pesanan teks atau platform digital lain untuk menyebarkan mesej yang menghina, mencaci, mengugut atau mengganggu individu secara berterusan. Menurut kajian Firma Penyelidikan Pasaran Ipsos Malaysia, buli siber dalam kalangan belia di Malaysia berada pada tempat kedua di Asia selepas India. Oleh itu, beberapa langkah perlu dilakukan seperti kempen kesedaran, penguatkuasaan undang-undang dan pemantauan oleh ibu bapa.

Sumber: berita.rtm.gov.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan langkah-langkah tersebut.

2

PUTRAJAYA: Sebanyak 25 daripada 672 sungai di negara ini berada dalam kategori tercemar, kata Datuk Seri Fadillah Yusof, Timbalan Perdana Menteri. Beliau juga menyatakan bahawa sungai tercemar itu dikesan di Kedah, di Pulau Pinang, di Selangor, di Kuala Lumpur, di Johor dan di Sarawak berdasarkan pengelasan kualiti air sungai. Antara punca berlakunya pencemaran sungai adalah disebabkan pembuangan sisa kumbahan manusia.

Sumber: www.bharian.com.my

Selain punca yang dinyatakan, huraikan punca-punca berlakunya pencemaran tersebut.

3

Bidang pertanian di Malaysia berhadapan dengan masalah serius apabila golongan muda dilihat semakin kurang berminat untuk menceburi bidang ini. Kurangnya komitmen dan minat ditambah dengan persepsi bahawa pertanian merupakan bidang yang memenatkan dan terdedah kepada cuaca panas menjadi faktor utama penolakan anak muda terhadap kerjaya ini.

Sumber: malaysiaaktif.my

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan peranan pelbagai pihak bagi mengatasi masalah tersebut.

4

Di Malaysia, penggunaan media sosial seperti Facebook, Twitter, TikTok dan WhatsApp amat popular dalam kalangan masyarakat. Kini, penggunaan media sosial semakin meluas dalam semua bidang. Penggunaan media sosial bukan sahaja mendatangkan kesan baik tetapi juga boleh memberikan kesan buruk jika disalahgunakan.

Sumber: <http://thespirasi.my>

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kesan-kesan tersebut.

KERTAS TAMAT